

Tun M kagum kemudahan LNG Terapung Kedua M/S: 2 PETRONAS

BH - 28/11/2019

Geoge (Korea Selatan): Tun Dr Mahathir Mohamad, yang sangat meminati teknologi baharu, kagum dengan kemudahan aset Gas Asli Cecair Terapung Kedua (PFLNG Dua) PETRONAS, yang dapat mencapai rizab gas laut dalam yang terletak sehingga 1,500 meter di bawah air.

“Ini hebat, tidak boleh dibayangkan, saiznya sangat besar, jika ia berdiri tegak, ia hampir setinggi menara berkembar,” katanya mengenai saiz keseluruhan kapal sepanjang 393 meter itu.

“Kemudahan itu sangat canggih, ia boleh melakukan semua (proses pengeluaran LNG) di atas kapal itu. Ia dikendalikan oleh rakyat Malaysia. Ini sesuatu yang boleh kita banggakan,” katanya selepas melawat kapal itu di Samsung Heavy Industries Geoje Shipyard.

Perdana Menteri diiringi isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang menjadi ‘Lady Sponsor’ dan menyempurnakan pemotongan tali pada majlis penamaan kapal yang diberi nama *FLNG Dua*, di sini semalam.

Kapal yang boleh menampung pengeluaran gas, saluran paip luar pesisir, pencairan gas serta penyimpanan dan pemunggaan, terletak di Medan Gas Rotan, 140km dari luar pesisir Kota Kinabalu, Sabah. Kapal itu dijadual belayar pada Februari 2020.

Kemudahan itu adalah 100 peratus milik syarikat minyak dan gas negara, Petroliaam Nasional Bhd (PETRONAS), dan dibina oleh sebuah konsortium JGC Corporation of Japan dan Industri Berat Samsung Selatan Korea.